



18 MAY, 2023

## Berjaya Rail minat bangunkan projek HSR

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Berjaya Rail minat bangunkan projek HSR

Kerajaan akan meneliti terlebih dahulu model pelaksanaan dan pembiayaan oleh mana-mana syarikat

#### KUALA LUMPUR

**B**erjaya Land menubuhkan unit perniagaan rel, Berjaya Rail Sdn Bhd dalam usahanya untuk mencebur segmen kereta api dengan tumpuan terarah kepada projek Kereta Api Berkelaian Tinggi (HSR).

Berjaya Land adalah anak syarikat Berjaya Corporation Bhd, konglomerat yang dikuasai

oleh bilionair, Tan Sri Vincent Tan. Dalam satu kenyataan, Berjaya Land berkata ia akan terabit dalam proses permintaan maklumat yang dilaksanakan oleh MyHSR Corp Sdn Bhd, syarikat di bawah Kementerian Kewangan.

"Berjaya Rail akan menjalankan perniagaan yang membabitkan pembinaan kereta api dan kereta api bawah tanah, reka bentuk, pembekalan dan pemasangan sistem kereta api, pembangunan hartaan berorientasikan transit (TOD), perkhidmatan perundingan dan latihan untuk penyelesaian teknikal yang berkaitan," katanya.

Bagi tujuan itu juga, Berjaya Rail dalam kenyataan itu mengumumkan pelantikan Farizul Baharom sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Menerusi laporan itu juga, Berjaya Land berkata, Farizul



Projek bernilai RM110 bilion yang melibatkan pembangunan sepanjang 350 kilometer itu akan memendekkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura kepada 90 minit sahaja. -Grafik: MyHSR

mempunyai pengalaman yang pelbagai termasuk pernah menjadi Penasihat Khas kepada

Menteri Pengangkutan, Ketua Pejabat Pengurusan Projek untuk LRT3 di Prasarana Malaysia

Bhd, Ketua Undang-undang & Ketua Rel Rentas Sempadan bagi HSR dan Sistem Transit Rapi (RTS) Johor Bahru-Singapura (RTS).

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke sebelum ini menyatakan pihaknya sedang menyiarkan kertas cadangan projek pelaksanaan semula HSR Kuala Lumpur-Singapura, membabitkan pelaburan swasta.

Beliau berkata, beberapa syarikat swasta menyatakan minat melaksanakan semula projek HSR dengan kementerian kini masih di peringkat maklum balas berikut ada beberapa syarikat swasta tampil menyatakan minat melaksanakan projek mega itu.

Namun, katanya kementerian akan meneliti terlebih dahulu model pelaksanaan dan pembiayaan yang mahu diguna pakai syarikat swasta bermintat dalam membangunkan HSR.



18 MAY, 2023

## Berjaya Rail minat bangunkan projek HSR

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kerajaan akan meneliti terlebih dahulu model pelaksanaan dan pembiayaan oleh mana-mana syarikat

Berjaya Land menubuhkan unit perniagaan rel, Berjaya Rail Sdn Bhd dalam usahanya untuk menceburi segmen kereta api dengan tumpuan terarah kepada projek Kereta Api BerkelaJUAN Tinggi (HSR). Berjaya Land adalah anak syarikat Berjaya Corporation Bhd, konglomerat yang dikuasai Kuala Lumpur

oleh bilionair, Tan Sri Vincent Tan.